

14/05/2002

Pertemuan Dr M, Bush baiki hubungan

Rejal Arbee

WASHINGTON DC, Isnin - Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, tiba di sini petang ini (jam 2 pagi Selasa waktu Malaysia) untuk mengadakan pertemuan dengan Presiden George W Bush yang diharap dapat mengukuhkan hubungan politik kedua-dua negara.

Hubungan dua hala Malaysia dan Amerika retak ketika pemerintahan Bill Clinton kerana pentadbiran Washington ketika itu secara terang-terangan membuat pelbagai tuduhan negatif terhadap Malaysia berikutan peristiwa yang membabitkan Datuk Seri Anwar Ibrahim disingkirkan daripada Kabinet.

Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar, memberitahu media Malaysia di sini bahawa walaupun hubungan politik agak renggang, hubungan ekonomi dan pelaburan tetap kukuh.

Berikutan pertemuan Dr Mahathir dan Bush pada sidang kemuncak Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (Apec) di Shanghai, Oktober lalu, hubungan peribadi di antara kedua-dua pemimpin ini terjalin baik.

Kini diharapkan kunjungan Dr Mahathir ke White House petang esok bukan saja dapat merapatkan hubungan peribadi mereka serta mengeratkan lagi hubungan ekonomi dan perdagangan, bahkan merapatkan semula hubungan politik kedua-dua negara.

Ini adalah kunjungan pertama Dr Mahathir ke White House sejak Bush menjadi Presiden. Perdana Menteri sebelum ini pernah mengadakan pertemuan di White House dengan Presiden Ronald Reagan pada 1984 serta Clinton pada 1994 dan 1996.

Dr Mahathir dan Bush dijangka membincangkan soal bersangkutan keganasan antarabangsa dan perkembangan membimbangkan dalam konflik Asia Barat berikutan kebangkitan intifada Palestin yang membawa kepada serangan berani mati rakyatnya, diikuti serangan balas tentera Israel yang kejam terhadap rakyat Palestin.

Sungguhpun Malaysia bersetuju bahawa serangan berani mati Palestin terhadap orang awam Israel adalah tindakan keganasan tetapi ia juga menganggap serangan tentera Israel terhadap penempatan awam Arab di bumi Palestin sebagai keganasan yang melampaui batas kemanusiaan.

Malaysia berpendapat punca rakyat Palestin berani bertindak nekad perlu diberi perhitungan.

Perbincangan Dr Mahathir dan Bush itu diharap akan membawa kepada mereka menandatangani deklarasi untuk memerangi keganasan antarabangsa.

Dr Mahathir juga dijangka menekankan bahawa sengketa Palestin-Israel tidak boleh diselesaikan melalui tindakan ketenteraan sebagaimana yang sedang berlaku dan dilaksanakan dengan kejam oleh Ariel Sharon.

Malaysia berpendapat bahawa persengketaan itu hanya boleh ditangani melalui suatu rumusan politik dengan kedua-dua pihak - Palestin dan Israel - menerima kewujudan dua negara yang diiktiraf mereka serta dunia sebagaimana disarankan oleh pimpinan Arab Saudi, Putera Abdullah Abdul Aziz Saud.

Dr Mahathir mempunyai jadual kerja amat padat selama berada di sini termasuk menemui beberapa pemimpin kanan pentadbiran Bush secara berasingan seperti Naib Presiden, Dick Cheney, Setiausaha Kewangan, Paul O'Neill, Penasihat Keselamatan Negara, Condoleezza Rice, Pemangku Setiausaha Negara, Richard Armitage, Pengerusi Lembaga Simpanan Persekutuan, Alan Greenspan dan Setiausaha Pertahanan, Donald Rumsfeld.

Beliau juga akan melancarkan penubuhan suatu Perundingan Kerjasama Perdagangan, Keselamatan dan Ekonomi (MTSECC) dalam Kongres Amerika di US

Capitol (bangunan Parlimen).

Perundingan itu dipengerusikan bersama oleh Ahli Kongres, Pete Sessions (Republikan-Texas) dan Ahli Kongres, Gregory Meeks (Demokrat-New York). Tidak kurang daripada 30 Ahli Kongres dari kedua-dua parti Republican dan Demokrat, termasuk Speaker, Dennis Hastert, dan Ketua Majoriti dalam Kongres, Tom DeLay, akan hadir.

Sessions dan Meeks dalam surat jemputan kepada anggota Kongres mengenai penubuhan perundingan itu berkata bahawa ini adalah lawatan Dr Mahathir yang pertama ke Capitol dalam tempoh 10 tahun.

Mereka juga mengakui Dr Mahathir sebagai pendorong yang telah membawa Malaysia mencapai pembangunan dan kemajuan ekonomi yang membanggakan hingga ia kini menjadi negara perdagangan ke-18 terbesar di dunia dengan mengimport sejumlah AS\$11 bilion dari Amerika.

Dr Mahathir juga dijadualkan menemui tidak kurang dari 10 Ahli Senat, termasuk Joseph Lieberman, yang bertanding untuk jawatan Naib Presiden sebagai gandingan Al Gore dalam pemilihan Presiden Amerika yang dimenangi Bush dua tahun lalu.

Beliau juga akan berucap dalam satu jamuan makan malam yang dianjurkan Majlis Perniagaan Amerika-Asean.

Pada tengah hari Rabu, beliau dijadualkan merasmikan bangunan baru Kedutaan Malaysia di Pusat Kedutaan Antarabangsa di sini yang pembinaannya menelan belanja RM106 juta.

(END)